

**Malaysia perlu amal pertanian intensif - PM Najib**  
**Astro Awani**  
**Dec 4, 2016**

**SERDANG:** Malaysia perlu mengamalkan pertanian intensif yang menggunakan teknologi dan pelbagai tanaman bagi menjamin bekalan makanan negara pada masa depan, kata Datuk Seri Najib Tun Razak.

Perdana Menteri berkata perubahan daripada pertanian konvensional kepada kaedah pertanian berteknologi tinggi amat perlu bagi menampung bekalan makanan sejajar dengan pertumbuhan penduduk negara yang dijangka mencecah 50 juta orang pada 2050.

"Nilai import makanan negara pada masa ini ialah RM18 bilion dan jumlah ini akan bertambah dari setahun ke setahun. Oleh itu pengeluaran makanan negara perlu ditambah bagi menjamin sara diri untuk generasi masa depan," katanya.

Beliau berkata demikian semasa berucap merasmikan Pameran Antarabangsa Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan Malaysia (MAHA 2016) di Tapak Ekspo Pertanian Malaysia (MAEPS) di sini.

Hadir sama Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek dan Pengerusi Lembaga Pertanian Persekutuan (FAMA), Tan Seri Badruddin Amiruldin.

Najib berkata sebagai pendekatan jangka panjang, pertanian sara diri intensif wajar diterokai dan dijuarai generasi muda supaya industri tersebut bergerak seiring dengan kemajuan dan pertumbuhan penduduk dalam negara.

Beliau menarik perhatian bahawa MAHA kini dianggap sebagai produk pelancongan domestik bukan sekadar kepada mereka yang terlibat dalam bidang pertanian tetapi lebih utama ia melibatkan keseluruhan rantaian bekalan makanan negara seperti pemborong serta pengusaha pasar raya besar dan pasar raya.

Selain itu, katanya, MAHA turut menjadi medan membekalkan pengetahuan kepada anak-anak kecil mengenai sektor pertanian, kepelbagaian tanaman dan makanan negara, satu unsur yang amat penting dalam memupuk kesedaran berhubung kepentingan pertanian di masa kini dan masa depan.

Katanya, MAHA merupakan lambang atau menifestasi komitmen kerajaan dalam memartabatkan sektor pertanian, sekali gus menjamin kesinambungan bekalan industri makanan negara.

Justeru, generasi muda perlu melibatkan diri dalam industri pertanian moden supaya industri berkenaan tidak hanya terhad dalam kalangan generasi tua sahaja, katanya, dan menambah seramai 700,000 pengunjung telah mengunjungi MAHA hingga kini sejak mula dibuka kepada orang ramai, Khamis lepas.

Terdahulu, Najib tiba di hadapan dewan utama MAHA pada 4.20 petang dan terus menaiki trem bersama Ahmad Shabery untuk memulakan lawatan ke tapak-tapak pameran.

Lokasi utama beliau adalah mengunjungi tapak buah-buahan atau Castle of Fruits kendalian FAMA yang menjual pelbagai jenis buah, orkid, anak pokok, baja tumbuhan dan variasi bunga- bungaan daripada 108 peniaga yang mengambil bahagian.

Di situ, Najib diperkenalkan dengan buah durian belanda yang diangkat menjadi buah tema MAHA 2016 selain ke gerai jagung, satu tarikan terbaharu kerana sebanyak tiga juta tongkol disediakan untuk dijual sepanjang 11 hari pameran berlangsung.

Perdana Menteri juga melawat pameran bingka terbesar yang diperbuat daripada 1,400 tongkol jagung dia atas 120 talam yang telah diiktiraf dalam Malaysia Book of Records sebagai produk yang menggunakan jagung terbanyak.

Menurut FAMA, hasil jualan bingka yang dijual dengan harga RM30 setalam itu akan dimasukkan ke dalam tabung bantuan Rohingya.

Perdana Menteri kemudiannya melawat Nafas Cube @MARDI, satu tapak penginapan berkonsepkan santai sebelum mengakhiri kunjungan ke 'Rythem Of The Farmers (ROTF) atau D'Lereng', sudut khas untuk pengunjung berhibur dan menyaksikan persembahan arti-artis undangan. – *Bernama*

Tag: [Najib Razak](#), [MAHA 2016](#), [Pameran Antarabangsa Pertanian](#), [Hortikultur dan Agro Pelancongan Malaysia](#)

© 2016 Astro Awani Network Sdn. Bhd. (535275-D) All Rights Reserved.

Source: <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/malaysia-perlu-amal-pertanian-intensif-pm-najib-124688>